

# Buku penting dalam pembinaan tamadun

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR  
aileenkucheen@yahoo.com

KOTA KINABALU: Buku berperanan penting dalam pembinaan tamadun dengan khazanah perbukuan yang kukuh menjadi pemacu kemajuan sesuatu bangsa, kata Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Hj Ampon.

Kerana itu, kata beliau, industri penerbitan dan perbukuan sepatutnya dipandang serius oleh pelbagai pihak termasuk pentadbir, pensyarah dan mahasiswa dalam usaha mencorakkan minda masyarakat.

“Dalam konteks penerbitan ilmiah di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), penerbitan yang terancang dan kemudahan perpustakaan yang canggih serta sistematik patut diwujudkan untuk memupuk budaya membaca,” katanya.

Menurut beliau, kerajaan sendiri telah menyediakan modal dan prasarana untuk membangunkan penerbitan dan perpustakaan selaras hasrat menjadikan negara ini sebagai hub kecemerlangan pendidikan di rantau Asia.

Kata Dr Kamaruzaman, industri perbukuan negara ini agak perlahan berbanding negara maju dan negara Asia lain serta turut berdepan masalah seperti royalti, pasaran, tahap keterbacaan melibatkan isu bahasa dan masalah budaya kurang membaca.

“Walaupun kita masih berdepan dengan masalah-masalah ini, namun negara ini masih mempunyai ruang

“Industri penerbitan dan perbukuan sepatutnya dipandang serius oleh pelbagai pihak termasuk pentadbir, pensyarah dan mahasiswa dalam usaha mencorakkan minda masyarakat.”

**DATUK SERI PANGLIMA DR KAMARUZAMAN HI AMPON,**  
*Naib Canselor UMS*

lingkupnya yang tersendiri,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan penutupan Pesta Buku Akademik UMS 2010 di Perpustakaan universiti itu, kelmarin.

Sementara itu, ketua Pustakawan UMS, Dg Rukiah Ag Amit berkata objektif pesta buku anjuran Penerbit UMS dan Perpustakaan UMS adalah untuk mempromosikan buku terbitan UMS.

Program ini juga, katanya, dapat membentuk jalinan kerjasama di kalangan

penerbit IPTA dan agensi penyelidikan di bawah Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM).

“Selain itu, program ini juga bertujuan menggalakkan warga universiti, membeli buku sekali gus memupuk budaya membaca di kalangan mereka,” katanya.

Beliau yang juga penasihat pesta berkenaan berkata, pameran yang akan dijadikan acara tahunan ini juga berfungsi menyokong usaha perkembangan akademik di universiti itu.

“Pameran buku ini juga menjadi strategi pemasaran berkesan sama ada dari aspek pulangan selain menyebarkan ilmu dan penyelidikan sesebuah pusat pengajian tinggi,” katanya.

Turuthadir Pendaftar UMS, Abdullah Hj Md Mansur; Ketua Unit Penerbitan UMS Prof Dr Zainodin Hj Jubok.

Antara IPTA yang menyertai pesta tersebut adalah UPSI, UM, UKM, USM, USIM, ITNM, UPM dan UNIMAS manakala vendor dan pembekal buku adalah Tung Nan Bookstore Sdn Bhd, YPJ Publication & Distributor Sdn Bhd, Koperasi UMS Sdn Bhd, Universiti Book Store (M) Sdn Bhd, Evergreen Education Services, K-Enrichment Education Sdn Bhd, Blue-T Communication Sdn Bhd, DMA Books Sdn Bhd dan Zenithway Sdn Bhd.



**TERTARIK...Dr Kamaruzaman (dua kanan) bertanya sesuatu kepada pempamer ketika mengadakan lawatan ke gerai pameran dan jualan ditemani Dg Rukiah (tiga kanan) dan Abdullah (kanan).**